

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November, 1990

AKU 402 - Pencukaaian

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGABELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A dan SATU soalan dari BAHAGIAN B. Jumlah soalan yang perlu dijawab adalah LIMA.

Kesemua soalan adalah berdasarkan kepada Akta cukai pendapatan (ACP) selepas pindaan. Lampiran 'A' hendaklah dirujuk bagi soalan-soalan yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN A.

Jawab SEMUA soalan.

1. (a) Apakah sistem pencukaaian yang diamalkan di Malaysia dan pada pendapat anda apakah justifikasi diadakan cukai pendapatan, cukai kemajuan dan cukai keuntungan berlebihan?
- (b) Apakah garis panduan taksiran bagi pendapatan dari bunga dan dividen mengikut ACP?
- (c) (i) Apakah hak rayuan serta tanggungjawab seorang pembayar cukai?  
(ii) Apakah kaedah-kaedah pembayaran cukai dan denda yang boleh dikenakan bagi pembayaran lewat?

...2/-

(d) Seorang pembayar cukai boleh memilih sebarang jangkamasa selama 12 bulan sebagai tahun pendapatan diperolehi. Selepas dipilih, beliau mestilah mengikut jangkamasa itu kecuali apabila mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah untuk menukarkannya.  
Bincangkan.

(e) Tuliskan nota ringkas mengenai:

(i) pelepasan bukan Mastautin

(ii) seksyen 25(6) yang berhubung dengan seorang pekerja yang akan meninggalkan Malaysia

(iii) cukai kemajuan

[18 markah]

...3/-

2. Encik Suhaimi adalah seorang peniaga tunggal Syarikat Maju Jaya yang mengendalikan perniagaan pakaian sukan dan alat tulis. Akaun berikut adalah berhubung dengan perniagaan perdagangan, untung dan rugi bagi tahun berakhir 31/12/1989.

		\$		\$
Stok permulaan		153,000	Jualan	638,000
Belian		445,000		
		-----		
		598,000		
Stok akhir		145,000		
		-----		
		453,000		
Untung kasar h/b		185,000		
		-----		
		638,000		638,000
		-----		-----
Gaji	(1)	44,000	Untung kasar b/b	185,000
Bonus	(1)	5,100	Dividen (bersih)	6,000
Komisen	(2)	4,500	Sewa dari harta	4,000
Sewa kedai	(3)	12,900		
KWSP	(4)	3,800		
Perbelanjaan				
perjalanan	(5)	7,700		
Letrik dan air		2,700		
Yuran dan denda	(6)	2,500		
Pengiklanan	(7)	5,050		
Hutang lapuk	(8)	4,300		
Derma	(9)	1,050		
Susutnilai		8,750		
Kos kendalian				
kereta	(10)	3,000		
Untung bersih		89,650		
		-----		
		195,000		195,000
		-----		-----

...4/-

Nota kepada akaun:

- (1) Gaji dan bonus telah dibayar kepada mereka-mereka yang berkenaan:

	Gaji	Bonus
	-----	-----
Suhaimi (peniaga tunggal)	19,200	-
Zainun (kerani)	5,600	900
Chan (jurujuwal)	9,000	1,700
Azmi (pembantu kedai)	10,200	2,500
	-----	-----
	44,000	5,100
	-----	-----

- (2) Komisen diberi kepada jurujual
- (3) Ketua pengarah telah bersetuju bahawa 1/3 daripada jumlah sewa kedai adalah untuk kegunaan persendirian.
- (4) Jumlah ini merupakan caruman KWSP berhubung dengan gaji pekerja sahaja.
- (5) Belanja perjalanan:

(a) Tiket kapal terbang bagi Encik Suhaimi dan keluarga ke London untuk bercuti.		5,000
Perjalanan jurujual melawat pelanggan.		2,700
		-----
		\$7,700
		=====

...5/-

AKU 402

(6) Yuran dan denda

(a) Yuran guaman untuk mendapatkan balik pinjaman daripada seorang sepupu.	360
(b) Yuran guaman untuk mengutip hutang	1,393
(c) Denda trafik yang dikenakan kepada Encik Suhaimi kerana melanggar had laju	150
(d) Pembaharuan perjanjian sewa kedai	597
	-----
	\$2,500
	=====

(7) Jumlah ini terdiri daripada kalendar dan diari yang diberikan kepada pelanggan dan juga bagi poster untuk mengiklankan barangan yang diberikan secara percuma kepada pelanggan.

(8) Hutang lapuk:

Pinjaman persendirian kepada rakan yang dihapuskan	300
Peruntukan khusus bagi hutang lapuk	1,000
Peruntukan am bagi hutang lapuk	900
Hutang lapuk yang berhubung dengan perniagaan yang dihapuskan.	2,100
	-----
	4,300
	-----

(9) Jumlah ini mewakili derma yang dibuat kepada institusi yang diluluskan.

(10) Jumlah ini merupakan perbelanjaan untuk minyak kereta dan kos pembaikan. Telah dipersetujui bahawa 1/3 dari perbelanjaan adalah untuk kegunaan persendirian.

...6/-

(11) Dividen merupakan jumlah bersih yang diterima dari saham Petronas.

(12) Maklumat bagi elaun modal adalah seperti berikut:-

Aset ----	Baki perbelanjaan pada tarikh 1/1/89 -----	Kadar elaun tahunan -----
Kelengkapan dan perabut	\$7,000	5%
Kenderaan kereta	9,000	20%
Mesin taip	1,500	10%

(13) Maklumat lain mengenai Encik Suhaimi dan isterinya Nabilah adalah:

(a) Polisi insuran yang diambil

	Dibayar -----	Premium -----	Jumlah modal -----
(i) Encik Suhaimi		\$2,500	\$80,000 Diatas nyawanya
(ii) Puan Nabilah		1,500	40,000 Diatas nyawa isterinya

(b) Encik Suhaimi mencarumkan \$600 kedalam dana yang tidak diluluskan.

(c) Nabilah bekerja sebagai seorang guru dan gajinya bagi tahun berakhir 31/12/89 berjumlah \$14,400 dan ia menerima dividen bersih dari saham ESSO sebanyak \$3,600 didalam tempoh itu.

(d) Nabilah memberi derma sebanyak \$1,000 kepada Majlis Perbandaran untuk pembinaan jambatan.

...7/-

- (e) Mereka mempunyai 4 orang anak:
- (i) Mohd Zaidi, 22 tahun, sedang belajar di Universiti Sains Malaysia didalam tahun kedua.
  - (ii) Mastura, 20 tahun, telah berkahwin pada 1/7/89 dan sedang belajar di Universiti Pertanian Malaysia didalam tahun pertama.
  - (iii) Mohd Nazri, 18 tahun sedang mengikuti kursus persediaan di Institut Victoria, Kuala Lumpur.
  - (iv) Masita, 13 tahun sedang belajar di Sekolah Menengah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur.
- (f) Encik Suhaimi membayar \$200 sebagai zakat.

(14) Nabilah memilih untuk taksiran secara berasingan.

Dikehendaki:

Dari maklumat yang diberikan, anda dikehendaki untuk mengirakan cukai yang dikenakan kepada Encik Suhaimi dan isterinya bagi tahun taksiran 1990, dengan mengambilkira kesemua cukai yang berkaitan.

[35 markah]

3. Comel dan Comot membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah syarikat perkongsian. Mereka memulakan perniagaan pada tarikh 1/5/88 dan akaun-akaun mereka adalah disediakan sehingga 31/12 setiap tahun. Syarat-syarat perkongsian adalah seperti berikut:-

	Gaji sebulan	Faedah atas modal	Caruman modal
Ali	\$600	10% setahun	\$40,000
Badul	\$400	10% setahun	\$30,000

Keuntungan perkongsian adalah berdasarkan kepada caruman modal. Menafaat kereta yang diperolehi oleh Ali berjumlah \$120 sebulan. Ali menambahkan carumannya kepada \$60,000 pada 1/9/88.

...8/-

AKU 402

Pendapatan larasan sementara bagi tempoh perakaunan 1/5/88 - 31/12/88 adalah \$12,000. Dalam tempoh ini, aset-aset berikut telah dibeli:

	Aset ----	Kos ---	Kadar tahunan -----
28/4/88	Van	\$20,000	20%
15/5/88	Kereta	\$18,000	20%
28/5/88	Perabut	\$12,000	10%

Adalah dianggarkan bahawa 1/3 dari masa kereta digunakan adalah untuk tujuan persendirian. Kirakan pendapatan berkanun setiap rakan kongsi.

[15 markah]

4. (a) Metroplex Sdn Bhd membeli dari Metropolitan Sdn Bhd, sebuah kilang dengan harga \$2,000,000 (termasuk kos tanah \$500,000) pada 1hb. Oktober 1984. Kilang ini telah mula dibina oleh Metropolitan Sdn Bhd pada 1hb. Ogos 1978 dengan kos \$1,237,500 (tidak termasuk kos tanah). Kilang ini telah digunakan untuk tujuan perindustrian.

Oleh kerana perniagaan Syarikat Metropolitan telah berkembang dengan pesatnya, pada 1hb. Julai 1985 syarikat telah membeli sebidang tanah berhampiran kilang berjumlah \$1,000,000. Tanah itu adalah untuk pembinaan kediaman pekerja dengan kos \$375,000.

Metroplex dan Metropolitan Bhd menyediakan akaun-akaun mereka pada tahun berakhir 31/12 setiap tahun.

Dikehendaki:

- (i) Menentukan elaun imbalan/caj imbalan bagi Syarikat Metropolitan Sdn Bhd, dan
  - (ii) Elaun modal yang boleh dituntut oleh Metroplex Sdn Bhd bagi tahun taksiran 1986.
- (b) Apakah garis panduan menentukan elaun modal bagi aset yang dibeli secara sewa beli mengikut ACP?

[12 markah]

...9/-



BAHAGIAN B

Jawab SATU soalan sahaja.

5. (a) Beta adalah syarikat pengilangan pakaian. Syarikat telah memasang mesin-mesin baru didalam kilangnya diatas nasihat firma perunding yang bukan mastautin Malaysia dan telah membayar yuran diatas khidmat nasihat yang diberikan.

Dikehendaki:

- (i) Adakah yuran yang dibayar kepada perunding itu dikenakan cukai?  
(ii) Bolehkah yuran ini ditolak dari pendapatan untuk mendapatkan pendapatan larasan?

- (b) Malik, seorang pengurus bank diberikan menafaat melalui pinjaman perumahan pada kadar faedah 4% setahun. Kos dana kepada bank ialah 8 1/2% setahun dan pinjaman yang serupa diberikan kepada pelanggan lain pada kadar komersial 12% setahun.

Dikehendaki:

Berikan alasan, samaada Malik akan dikenakan cukai keatas menafaat ini.

- (c) Berikut adalah pendapatan yang diterima oleh En. Ali seorang mastautin Malaysia dan seorang pengarah urusan syarikat terkawal. Diantara kemudahan yang diberikan oleh majikan bagi tahun itu adalah:

Gaji	\$60,000
Kereta yang bernilai	40,000
Pemandu kereta yang dibayar gaji	\$ 200/bulan
Nilai bersih tahunan rumah yang kosong	6,000
Nilai bersih tahunan rumah yang dilengkapi perabut	8,000
Elaun makan	1,500
Elaun perjalanan	2,000

...10/-

Disamping itu Encik Ali telah membeli 2 buah rumah di Pulau Pinang dan maklumatnya adalah seperti berikut:-

	Rumah teres dua tingkat -----	Rumah teres setingkat -----
Nilai bersih tahunan rumah tanpa perabut	\$20,000	\$10,000
Nilai bersih tahunan rumah dengan perabut	25,000	14,000

Perbelanjaan:

Insuran rumah	800	600
Faedah keatas pinjaman rumah	2,400	600
Pembaikan rumah	500	300
Cukai tanah	400	200
Penjagaan kebun	350	100

Maklumat tambahan:

- (1) Perbelanjaan makanan untuk tujuan rasmi adalah melebihi \$2,000 dan bil-bil telah diberikan kepada syarikat.
- (2) Encik Ali telah membayar sewa sebanyak \$100 sebulan untuk tempat kediaman yang telah disediakan oleh syarikat.
- (3) Encik Ali telah mengeluarkan wang:
  - (a) Daripada kumpulan wang pampasan pekerja yang tidak diluluskan. Maklumatnya adalah seperti berikut:

Caruman sendiri	\$10,100
Caruman majikan	9,900
	-----
	20,000
	=====

...11/-

- (b) Daripada KWSP yang diluluskan maklumatnya adalah seperti berikut:

Caruman sendiri	\$ 8,100
Caruman majikan	9,900
	-----
	18,000
	=====

Dikehendaki:

- (i) Tentukan pendapatan larasan bagi Encik Ali untuk tahun itu.
- (ii) Jelaskan pendapatan yang termasuk didalam seksyen 4(f).

[20 markah]

6. (a) Tuliskan nota-nota ringkas mengenai perkara berikut:
- (i) pengarah urusan syarikat terkawal dan pengarah bukan urusan syarikat terkawal.
  - (ii) pendapatan dari perniagaan
  - (iii) keadaan-keadaan yang membolehkan taksiran bersama
  - (iv) pengendalian wang pampasan dan gratuiti kepada pekerja mengikut ACP.

...12/-

- (b) Encik Patok adalah seorang bukan mastautin tetapi warganegara Malaysia bagi tahun asas 1988. Isterinya adalah seorang mastautin bagi tahun asas 1988 tetapi bukan warganegara bagi tahun asas 1988. Pendapatannya secara terperinci adalah seperti berikut:

<u>Suami</u>		<u>Isteri</u>	
(1) Pencen (Malaysia)	\$ 2,000	(1) Pendapatan penggajian	\$20,000
(2) Pendapatan penggajian	\$10,000	(2) Derma kepada institusi yang diluluskan	\$ 1,000
(3) Derma kepada institusi yang diluluskan	\$ 1,000		

Mereka mempunyai seorang anak yang berumur 21 tahun yang sedang menuntut di Universiti di London. Perbelanjaan yang dikenakan didalam tahun asas ialah \$1,300. Andaikan mereka memilih taksiran bersama.

Dikehendaki:

Berapakah cukai yang harus dibayar?

- (c) Mat Hassan telah bekerja di Malaysia untuk beberapa tahun dan adalah seorang mastautin mengikut definisi ACP bagi kesemua tahun taksiran yang berkenaan sehingga tahun taksiran 1982.

Suatu projek yang besar di Jepun telah diterima oleh syarikatnya dan dengan ini Mat Hassan telah dipinjamkan ke pejabat Tokyo pada 20hb. Disember, 1982 sehingga ia pulang ke Malaysia pada 15hb. November 1984. Untuk meningkatkan kerjayanya, Mat Hassan telah mengikuti suatu kursus antarabangsa di Geneva pada 15hb. Julai, 1985. Pada 1hb. Oktober 1986 beliau telah pulang ke Malaysia untuk menolong menubuhkan cawangan syarikat di Malaysia. Selepas berada di Malaysia selama setahun ia telah dipinjamkan ke London selama 2 tahun.

Dikehendaki:

Nyatakan dengan sebab-sebabnya sekali, status mastautinnya di Malaysia bagi tahun-tahun taksiran yang berkenaan (tahun taksiran 1983 hingga tahun taksiran 1988).

[20 markah]

...13/-

AKU 402

LAMPIRAN A

1. CUKAI KENA DIBAYAR OLEH SEORANG INDIVIDU YANG BERMASTAUTIN

	Pendapatan Boleh Kena Cukai (\$)	Kadar (%)	Cukai kena Dibayar (\$)
	-----	-----	-----
Atas yang pertama .....	2,500	5	125
Atas yang berikut .....	2,500	8	200
	-----		-----
Atas yang pertama .....	5,000	-	325
Atas yang berikut .....	5,000	12	600
	-----		-----
Atas yang pertama .....	10,000	-	925
Atas yang berikut .....	10,000	15	1,500
	-----		-----
Atas yang pertama .....	20,000	-	2,425
Atas yang berikut .....	15,000	25	3,750
	-----		-----
Atas yang pertama .....	35,000	-	5,425
Atas yang berikut .....	15,000	25	3,000
	-----		-----
Atas yang pertama .....	50,000	-	9,175
Atas yang berikut .....	20,000	30	6,000
	-----		-----
Atas yang pertama .....	70,000	-	15,175
Atas yang berikut .....	30,000	35	10,500
	-----		-----
Atas yang pertama .....	100,000		25,675
	=====		=====
Lebih daripada .....	100,000	40	

2. Nilai tahunan menafaat:

<u>Kos kereta semasa baru dibeli</u>	<u>Nilai tahunan kegunaan persendirian kereta</u>	<u>Minyak kereta setahun</u>
sehingga \$40,000	\$1,200	\$ 600
\$40,001 sehingga \$75,000	2,400	900
75,001 sehingga 100,000	3,600	1,200
100,001 sehingga 150,000	4,800	1,500
150,001 sehingga 200,000	6,000	1,800
200,001 sehingga 250,000	7,800	2,100
250,001 sehingga selebihnya	9,600	2,400

---000000000---